AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 27 | RABU 3 JULAI, 1985. | رابو 14 شوال 1405 | PERCUMA


# TAWARAN MEMASUKI UNIVERSITI AKAN DIKELUARKAN

**Oleh Abd. Karim HAB**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dalam beberapa minggu lagi akan mengeluarkan tawaran-tawaran kepada pelajar-pelajar negara ini untuk memasuki tahun pengajian pertama Universiti Brunei Darussalam tahun ini.

Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika mengumumkan perkara itu meyakinkan bahawa kursus-kursus ini adalah diakui dan mempunyai taraf yang boleh diterima oleh lain-lain universiti yang terbilang.

Menurut proses penubuhan universiti berkenaan yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam itu kini sedang giat dilaksanakan.

''Perkembangan-perkembangan fizikal dan akademik sedang rancak disusun, kerja-kerja pengubahsuaian Pusat Pengajaran untuk dijadikan kampus sementara universiti itu sedang rancak dilakukan dan dijangka akan digunakan oleh mahasiswa-mahasiswa pengajian tahun pertama itu nanti, dan seiring dengan itu jua jenis-jenis kursus yang akan ditawarkan di Universiti kita itu berada di peringkat 'sedang dihalusi' dengan pertimbangan-pertimbangan yang amat terperinci,'' katanya dalam ucapan pelancaran sambutan Tahun Belia Antarabangsa 1985 di Dewan Pusat Belia pada pagi Ahad lepas.

**TAKAH**

Mengenai sambutan Tahun Belia Antarabangsa, Yang Dimuliakan Pehin mengharapkan pelancarannya akan membawa lancarnya lagi segala usaha dan rancangan ke arah memperbaiki dan mempertingkatkan kualiti penggerak belia di negara ini dari masa ke semasa.

"Takah penyertaan yang bercorak antarabangsa yang diperlihatkan pada hari ini khasnya setelah Negara Brunei Darussalam mengisytiharkan kemerdekaannya adalah satu kenyataan betapa negara dan bangsa Brunei tidak hidup bersendirian atau terpacak saunggul-unggul di tengah-tengah perkembangan dunia," katanya.

Lihat muka 16



NEGARA BRUNEI DARUSSALAM telah diterima menjadi ahli Persekutuan Sukan Komanwel yang ke-58 di dalam satu mesyuarat yang dilangsungkan di Edinburgh, Scotland pada awal bulan ini.

Di mesyuarat tersebut, Brunei Darussalam diwakili oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan dan Ketua Pegawai Belia dan Sukan Awang Talib bin Haji Beruddin (gambar atas) — Gambar Ihsan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan.

## MANISNYA IMAN

''TOLAKLAH kejahatan itu dengan cara yang sebaik-baiknya, sehingga yang bermusuhan antara engkau dengan dia akan menjadi sebagai kawan yang setia. Dan kelakuan seperti itu tidak diberikan kepada siapapun, selain untuk orang-orang yang berhati teguh dan tiada pula diberikan melainkan kepada orang-orang yang mempunyai keuntungan yang besar.'' — Makna ayat 34 — 35 Surah As-Sajadah.

## Laporan akhbar dinafi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam telah menafikan kenyataan sebuah akhbar di Filipina baru-baru ini.

Pegawai Akhbar Kementerian itu, Awang Haji Ahmad bin Mohd. Arshad dalam kenyataannya menjelaskan bahawa kementerian tersebut tidak pernah mewakilkan sebarang pihak mengenai pengambilan pekerja-pekerja asing di luar negeri.

Kementerian Pelajaran dan Kesihatan tidak pernah memberikan mandat kepada Orient Express Placement Philippines, Room 310 Quadstar Building Ortigas Avenue, Greenhills, San Juan, Metro Manila Philippines untuk menjadi wakil dalam perkara pengambilan pekerja bagi kementerian berkenaan.

Dengan yang demikian, Kementerian tersebut sama sekali tidak bertanggungjawab terhadap iklan yang berkaitan yang terbit di Filipina dalam akhbar 'BULLETIN TODAY' keluaran 12 Mei 1985.

Segala hubungan yang dibuat dengan Kementerian berhubung dengan perkara tersebut tidak akan dilayan. Kementerian Pelajaran dan Kesihatan menganggap bahawa perbuatan yang sedemikian adalah tidak sihat dan sangat-sangat dikesali.

## Jangan tangkap ikan di kawasan ini

DENGAN ini dimaklumkan kepada nelayan-nelayan dan orang ramai bahawa mereka adalah tidak dibenarkan menangkap ikan dalam lengkungan 500 kaki kiri dan kanan dari kawasan jeti pemunggahan gas cecair asli di Lumut. Nelayan-nelayan dan orang ramai adalah juga ditegah daripada menghampiri kawasan ini.

Langkah-langkah ini dibuat demi untuk menjaga keselamatan nelayan-nelayan dan juga kepentingan-kepentingan negara.

## Pembetulan

BARIS ketiga rangkap ketiga dari syair sabda perutusan Hari Raya Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam yang disiarkan di muka surat 2 dan 20 keluaran Pelita Brunei pada 26 Jun hendaklah dibaca ''Wahai pakulun wajah timangan,'' bukan ''Pak Kulun'' — Penyunting memohon maaf di atas kesilapan menyalin.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna telah berkenan berangkat merasmikan salah sebuah kedai Emas di QAF Plaza pada Ahad lepas. Turut berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Selepas perasmian itu (gambar atas), Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan rombongan Diraja kemudiannya dijunjung menyaksikan jualan di kedai tersebut. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

## SUDUT KESIHATAN

DIKELUARKAN OLEH
UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

# WABAK PENYAKIT MATA MERAH ATAU KONJUNKTIVITIS

KONJUNKTIVITIS adalah nama dari segi perubatan bagi penyakit Mata Merah yang disebabkan oleh serangan pada konjunktiva oleh organisma-organisma yang dikenali sebagai vairus yang berada di udara.

Penyakit ini selalunya merebak melalui udara dan daripada sentuhan. Dari itu ianya boleh mencapai ke peringkat wabak dan boleh menjangkit orang ramai dalam masa yang singkat.

Pada masa ini terdapat wabak konjunktivitis dan segala tindakan telah diambil bagi mengawal penyakit ini. Kerjasama orang ramai adalah dikehendaki untuk menjadikannya lebih berkesan dengan memberi perhatian kepada perkara-perkara yang dibawah:—

1 Jangan berkunjung ke tempat keramaian seperti panggung wayang, kedai, kolam berenang, dll.
2 Jauhkan diri dari pesakit mata.
3 Jangan gunakan tuala dan pakaian orang lain.

Jika awda terkena penyakit ini:—

1 Sila dapatkan rawatan doktor dengan segera, jangan merawatnya sendiri.
2 Pesakit-pesakit hendaklah mengasingkan diri supaya tidak menjangkit orang lain.
3 Jangan berkongsi menggunakan tuala, bantal dan pakaian.
4 Jangan dikesat mata dengan tangan, gunakan kertas tissue atau saputangan bersih untuk mata.

Konjuntiva ialah satu membran yang nipis yang melapisi bahagian dalam kelopak mata, dan juga biji mata. Ianya tidak melapis bahagian depan iaitu bahagian cerah biji mata (bahagian Kornea). Membran ini sentiasa mengeluarkan lendir dan lipin yang membasahi, membersihkan dan melicinkan biji mata. Ianya juga memelihara mata dalam keadaan cerah supaya penglihatan sentiasa terang.

Konjunktivitis ialah sejenis penyakit Kornea yang disebabkan oleh serangan organisma-organisma yang berada di udara. Ia menjadikan mata merah, dan dari segi perubatan di namakan KONJUNKTIVITIS. Sekiranya keadaan ini tidak dikawali ianya boleh mencapai ke peringkat wabak dan boleh menjangkit orang ramai dalam masa yang singkat. Selalunya wabak ini dibawa datang dari sesebuah tempat ke sesebuah tempat oleh pendatang-pendatang luar negeri yang tiba dengan pengangkutan udara dari tempat yang diserang wabak penyakit itu. Mata Merah atau Konjunktivitis tidaklah merbahaya, walau bagaimanapun perlu diterangkan tidak semua mata merah itu Konjunktivitis. Ada juga penyakit-penyakit mata yang lain yang menyebabkan mata merah. Penyakit ini dapat dibezakan dari Konjunktivitis, kerana merah yang didapati di mata pesakit berada di sekitar Kornea, dan penglihatan menjadi kabur. Mata juga berasa sakit, dan sentiasa mengeluarkan air, tetapi tidak mempunyai lelehan yang melekat. Anak mata (pupil) kadangkala besar dan kadangkala kecil dari yang normal.

Konjunktivitis hanya menyerang bahagian membran dari itu merah yang terdapat di sini bukanlah di bahagian Kornea. Keadaan ini boleh dilihat dengan jelas jika dilihat di bawah kelopak mata. Mata juga bila diserang penyakit ini akan mengeluarkan lelehan yang seperti nanah atau berkeping-keping. Mata juga akan sentiasa mengeluarkan air. Melihat cahaya terang selalunya tidak menjadi masalah. Pengidap-pengidap sakit mata merah tidak merasa sakit, hanya merasa matanya lain dari normal. Di waktu bangun tidur mata selalunya melekat dan susah dibuka. Penyakit ini senang berjangkit.

Cara merawatinya adalah:

a Mengasingkan pesakit-pesakit

b Membersihkan mata-mata yang sakit dengan mencucinya

c Membubuh ubat ke dalam mata.

Ubat-ubat mata terdapat dalam tiga bentuk

a Ubat titis air khas untuk digunakan di waktu siang, ianya hendaklah digunakan seringkali kerana ia sentiasa tercuci oleh mata.

b Ubat titis berminyak. Ini boleh tahan lebih lama dari itu dapat digunakan jarang-jarang sekali, jika ia tidak mendatangkan kemusykilan kepada pesakit.

c Ubat Salap khas untuk digunakan pada waktu malam iaitu sebelum tidur, ubat ini tahan lama dan ia juga mengelakkan mata dari melekat apabila bangun tidur. Khasiat besar ubat ini ialah ia dapat mengedarkan udara semasa mata bertutup.

Hampir semua ubat-ubat antibiotik terdapat di satu atau ketiga-tiga bentuk yang disebutkan di atas dan mestilah digunakan dengan mengikuti preskripsi Doktor. Cara membubuh ubat mata ialah dengan menarik bahagian bawah kelopak mata dan membubuh ubat itu di bawah sekali. Pesakit-pesakit hendaklah berusaha supaya tidak menjangkiti orang lain dengan menjaga kebersihan sendiri dan jangan berkongsi menggunakan barang-barang keperluan harian seperti tuala mandi dan muka.

Konjunktivitis yang terdapat pada kanak-kanak yang baru lahir, iaitu dalam lengkungan umur 30 hari, sangat-sangatlah merbahaya jika tidak mendapat rawatan yang segera. Ia boleh berakhir dengan hilang penglihatan mata, buta. Nasihat atau arahan doktor preskripsi dari Doktor mengenai cara-cara menggunakan ubat-ubat mestila diikut dan dilakukan dengan segera. Sekiranya mata kanak-kanak damit itu melekat dan sukar untuk menyimpan ubat mata perkara yang seperti ini memerlukan rawatan khas di mana kanak-kanak itu di masukan ke dalam Rumah Sakit untuk menerima rawatan-rawatan daripada Jururawat khas yang telah dilatih.

Separuh daripada kanak-kanak kecil yang mengidap penyakit Mata Merah dapat diberi rawatan di rumah dengan bantuan yang memberikan satu tunjuk ajar kepada penjaga atau ibu bapa mengenai cara-cara untuk mengalirkan air mata keluar daripada duktus pengaliran air mata dengan mengurut urat-urat bahagian atas batang hidung. Duktus-duktus ini sering tersumbat atau menjadi sempit dan menyebabkan air mata mengalir keluar daripada mata. Ini menyebabkan mata itu menjadi kering maka yang demikian organisma-organisma senang membiak ke atas mata itu dan seterusnya mata menjadi merah. Sekiranya ianya dibiarkan ianya akan berulang-ulang.



PESAKIT yang dijangkiti di kedua belah mata (atas). Sementara gambar bawah kelihatan mata pesakit yang dijangkiti konjunktivitis atau mata merah.



## KONJUNKTIVITIS





PESAKIT-pesakit sedang menunggu giliran untuk mendapatkan rawatan doktor di Klinik Mata, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (atas).

SEORANG pesakit sedang diperiksa oleh Pakar Mata (kiri).

PESAKIT diberikan rawatan oleh Pakar Mata di Klinik Mata, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (bawah).

GAMBAR-gambar ihsan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan.



# Kawan yang baik bawa bahagia, kawan yang jahat bawa celaka

**MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.**




Hidup kita di dunia ini memerlukan sahabat atau kawan, selain daripada saudara mara atau keluarga kita sendiri. Sahabat yang baik membawa bahagia dan sebaliknya sahabat yang jahat membawa celaka. Kerana itulah, orang-orang yang bijak akan berhati-hati mencari sahabat, sebab sahabat itu ialah orangnya yang akan berdamping dengan kita, yang akan turut meninggalkan kesan-kesan tabiat dan pengaruh budi pekerti kepada kita.

### PENGARUH PERGAULAN

Maka berasaskan ini, sewajarnyalah kita mesti berhati-hati memilih dan mencari sahabat-sahabat yang baik, bukan sahaja untuk diri kita sendiri, bahkan juga lebih mustahak lagi kawan-kawan atau teman bagi anak-anak dan keluarga kita, terutamanya di zaman moden ini pengaruh pergaulan kadang-kadang lebih cepat membentuk seseorang daripada pendidikan atau sekolah. Kita tidak usah lupa dengan kejadian-kejadian buruk yang berlaku dalam masyarakat hari ini, yang dilakukan oleh belia-belia dan bahkan oleh kanak-kanak. Kita jangan abaikan masalah anak-anak dan belia-belia yang tidak hormatkan ibu bapa, tidak hormatkan orang tua-tua dan guru-guru atau alim ulama. Gambaran ini adalah gambaran yang amat merbahaya, dengan ditambah pula oleh bermacam-macam lagi jenis dosa yang tidak payah kita butirkan di sini. Apa yang mustahak bagi kita, ialah menyedari hakikat bahawa sebahagian dari kejahatan itu mudah hinggap dan berjangkit kepada kanak-kanak atau belia-belia ialah daripada pergaulan dengan kawan-kawan dan demikian pula sebaliknya, sebahagian kebaikan itu datangnya ialah daripada kawan. Maka kita berharap, kita dan anak-anak kita akan sentiasa memilih dan mendapat kawan-kawan yang membawa beruntung ini.

### PENJUAL KASTURI

Al-Bokhari dan Muslim telah meriwayatkan daripada Abi Musa Al-Asy-Ari sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud kira-kira: *"Sesungguhnya perbandingan seorang sahabat yang baik dengan sahabat yang tidak baik adalah tidak ubahnya seperti seorang penjaja kasturi dengan seorang tukang tiup alat pembakar besi, penjaja kasturi itu akan memberikan bau harum — dengan cara apa pun — sama ada dengan cara kau membeli kasturi daripadanya atau saja kau tercium bau harum itu. Sementara tukang tiup alat pembakar besi pula semacam pasti sama ada menyebabkan bajumu hangus atau sekurang-kurangnya kau akan tercium semacam bau yang busuk daripadanya."*

**"Sesungguhnya perbandingan seorang sahabat yang baik dengan sahabat yang tidak baik adalah tidak ubahnya seperti seorang perjaja kasturi dengan seorang tukang tiup alat pembakar besi..."**

Inilah sebuah hadis yang sangat terang memberi panduan kita bagaimana semestinya mencari dan memilih kawan atau sahabat itu. Mudah-mudahan ianya dalam perhatian dan ingatan kita agar segala-segalanya berjalan dengan baik, sempurna dan penuh dengan kebajikan. Ingatlah bahawa pergaulan itu adalah ibarat sebuah sekolah yang berpengaruh lagi cepat kesannya kepada seorang.

# JANJI PALSU DAN BOHONG PEKERTI YANG TERCELA

## Menuju keredaan Allah

DALAM keluaran bulan lalu tanggal 15 Mei, 1985 kita telah membicarakan tentang sifat-sifat munafik dan balasan orang yang melakukannya secara am dan menyeluruh. Kita ambil satu sifat yang terkandung di dalamnya iaitu janji palsu dan bohong.

Tidak dapat disangkalkan situasi dewasa ini yang dalam kemodenan dan kebebasan sosial, manusia berlumba-lumba dalam mencapai kedudukan dan kemajuan terhadap dirinya, bagi memenuhi kehendak tersebut masing-masing dengan cara dan tingkahnya, sama ada secara jujur atau sebaliknya tanpa diperkatakan lagi. Tidak hairan ada kaum dan golongan manusia ber tuhankan benda, bersifat kebendaan dan ego, sehingga melupakan apakah perbuatan tersebut benar atau salah di sisi ugama. Manusia yang tidak berpendirian atau berprinsif adalah manusia yang imannya tidak tetap dan kukuh. Jenis manusia ini adalah paling bahaya dalam masyarakat Islam yang boleh memecah-belahkan perpaduan dan mengadu-dumbakan sesama umat Islam sendiri yang akhirnya membawa persengketaan dan keruntuhan.

Orang yang menganggap dirinya sudah maju dan berjaya dalam usaha dan kedudukannya mempunyai lidah yang "masin" yang boleh dianggap dan dipercayai oleh golongan lain atau yang mempercayainya, sehingga ada yang kadang-kadang berani membuat janji-janji terhadap kawan, teman dan orang-orang yang berkehendak pertolongannya, di mana mereka yang telah menerima janji-janji tersebut merupakan orang yang penuh berharap dan percaya dengan tidak langsung telah memberikan kesenangan hatinya dengan pengharapan dari janji tersebut. Akan tetapi cuba bayangkan kalau harapan dan janji tersebut itu palsu dan tidak ada sebenarnya apakah perasaan kepada mereka yang menerimanya, pada sifatnya memanglah lidah itu tidak bertulang, lembut dan basah boleh membuat putar kata apa saja yang terucapkan olehnya. Allah berfirman dalam Al-Quran surah Al-Maidah ayat 1, bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman tepatilah segala janjimu." dan dalam surah Ash-Shaff ayat 2 dan 3 pula Allah berfirman kira-kira bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya? Amat besar kebencian di sisi Allah kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya."

Begitu sifat berbohong dan mungkir janji dipandang sebagai satu dosa yang keji yang merupakan satu pengkhianatan, di mana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri pernah bersabda bermaksud: "Awas, jangan suka bohong, sebab bohong itu sukar dibarangi dengan kedosaan, kedua-duanya dalam neraka."

Sabdanya pula : "Satu pengkhianatan yang besar, berkata kepada teman, sedang dia percaya betul kepadanya, padahal kamu membohonginya."

Kedua-dua hadis ini dipertemukan dalam buku Iman Al-Ghazali Tentang Falsafah Akhlak yang disadur dari Ihya ulumiddin susunan M. Said.

Dalam hal ini kita umat Islam khususnya adalah wajib waspada dengan perbuatan demikian, terutama kita ahli-ahli perniagaan, majikan-majikan, pegawai-pegawai yang berkuasa dan sebagainya, kerana kadang-kadang kita lupa sehingga terucapkan janji manis kepada seseorang yang memerlukan pertolongan pada kita baik dalam pekerjaan atau pergaulan sehari-hari, begitu mudah kita membuat janji tetapi amat berat untuk memenuhinya. Hal ini bukanlah merupakan kejadian-kejadian atau kisah yang terjadi di waktu ini sahaja, malah telah wujud di zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri dan tidak hairan ia menular sebagai warisan manusia, dan kita selaku manusia itu sendiri lemah dan sering membuat kesilapan kerana kita adalah makhluk. Yang hanya membezakan antara manusia yang berpendirian dengan yang tidak, adalah keimanan dan ketakwaannya, maka itu orang yang kukuh iman dan takwa, lidahnya dapat diperintah oleh akalnya yang baik.

Seperti yang dikatakan tadi bahawa di zaman Nabi terjadi hal seumpamanya ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Al-Quran surah Ash-Shaff mengenai mereka yang tidak menepati janjinya diceritakan sebagai intisari surah tersebut dipetik dari Tafsir Al-Quran pimpinan Ar-Rahman bahawa: "Teguran ini pada mulanya ditujukan kepada setengah pemuda-pemuda Islam dalam zaman Nabi yang pernah mengatakan : "Kalaulah mereka mengetahui apakah sesuatu amalan yang disukai oleh Allah Taala nescaya mereka akan kerjakan. Tetapi apabila mereka diberitahu bahawa amalan itu ialah berjuang untuk menegakkan Islam, maka ada di antaranya yang tidak mengkotakan apa yang mereka katakan."

Tafsiran tersebut menceritakan bahawa para pemuda berkenaan telah cuba melarikan diri dari apa yang mereka sanggupi pada awalnya, akan tetapi apabila memandangkan bahawa janji dan pengakuan mereka itu nampaknya berat mereka cuba untuk meninggalkannya, sifat yang tidak berpendirian dan tegas ini merupakan satu sikap pengecut, yang pandai berpura-pura, sama juga dengan orang-orang yang pandai bermuka-muka atau mengampu, di mana bila berhadapan ia berbuat baik dan menyukainya dan apabila di belakang ia membenci dan mengatainya pula. Sangat hinalah manusia sedemikian sebagaimana yang kita pernah katakan jua di keluarkan-keluaran yang telah lalu kepada kita.

# Kerajaan sebagai ejen pengembang gerakan kerjasama

Kalau para pembaca menoleh kembali ke masa-masa yang lampau iaitu antara tahun-tahun empat puluhan hingga membawa ke tahun enam puluhan, kita sering melihat syarikat-syarikat kepunyaan orang-orang kampung tumbuh bagai cendawan. Syarikat-syarikat sedemikian sering dan selalu dikenal dengan panggilan 'Kedai Iktisad'. Memang sejak dulu lagi orang-orang katani telah terpikat dengan perniagaan secara bersyarikat dan ini, saya agak adalah disebabkan tebalnya semangat orang-orang tua katani dalam menghayati amalan bekerjasama atau lebih lumrah dengan panggilan 'memucang-mucang.' Sebab kedua dapatlah juga saya rumuskan sebagai keinginan atau keghairahan orang-orang katani untuk meneroka bidang perniagaan sebanding dengan bangsa-bangsa lain apatah lagi pada masa itu bidang perniagaan dimonopoli oleh orang-orang asing. Faktor ketiga yang menyebabkan penubuhan syarikat-syarikat sedemikian mungkin disebabkan pengaruh-pengaruh yang orang-orang katani terima dan lihat melalui perkembangan dan kemajuan orang-orang Melayu dalam gerakan kerjasama di negara-negara jiran kita yang terdekat seperti di Sarawak dan Sabah yang mana negeri Sarawak telah pun mempunyai Ordinance Syarikat Kerjasama dalam tahun 1939 dan Sabah dalam tahun 1958.

Oleh
Pg Ahmad bin Pg Metassan
Gambar-gambar oleh
Ak. Bahar PHO



BANGUNAN Pusat Perbekalan Kerjasama yang terletak di Jalan Gadong.

*.......penubuhan 'Pusat Perbekalan Kerjasama' adalah satu daripada campurtangan dan bantuan langsung dari Kerajaan untuk memajukan syarikat kerjasama. Pusat perbekalan kerjasama adalah dihasratkan oleh Kerajaan untuk membekalkan semua barang-barang runcit kepada syarikat-syarikat kerjasama kedai dengan mutu yang baik dan dengan harga yang berpatutan .......*

## PENGAWALAN DAN PERHATIAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT KERJASAMA DIAMBIL BERAT

Sungguhpun ramai bilangan syarikat-syarikat yang berdaftar dalam jangkamasa yang disebutkan tetapi tidak banyak di antara syarikat-syarikat yang tertubuh dan derdaftar di kampung-kampung itu yang boleh bertahan hingga sekarang ini. Sebab-sebab kepada kegagalan syarikat-syarikat sedemikian dapatlah disimpulkan kepada kurang atau tidak adanya pengetahuan dan pengalaman berniaga di kalangan ahli-ahli Jawatankuasa yang menguruskan syarikat-syarikat tersebut.

### KELEMAHAN ORANG MELAYU

Menyedari akan kekuatan azam orang-orang Brunei yang ingin meneroka bidang perniagaan secara kumpulan ini dan juga menyedari akan kelemahan-kelemahan orang-orang Melayu Brunei di dalam selok-belok perniagaan dan sejajar dengan dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mengambil berat akan perkembangan ekonomi rakyatnya melalui aktiviti-aktiviti perniagaan maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan dan seterusnya meluluskan satu undang-undang yang dikenal dengan 'Undang-Undang Syarikat Kerjasama 1975' yang mana telah diluluskan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam selaku pemimpin dan tampuk pemerintahan negara.

Untuk melaksanakan hasrat dan tujuan Kerajaan yang murni ini, maka terdahulu dari itu, iaitu pada tahun 1974, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jabatan baru yang dikenal dengan nama Jabatan Kemajuan Kerjasama. Antara lain tugas-tugas yang dikendalikan oleh Jabatan ini ialah:

(i) Untuk mengembangbiakkan gerakan serta fahaman kerjasama di kalangan rakyat dan penduduk negara ini melalui ceramah-ceramah ke kampung-kampung dan ke kawasan-kawasan yang difikirkan akan dapat menerima gerakan kerjasama.

(ii) Memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat kepada Syarikat-Syarikat yang telah berdaftar, dan

(ii) Mengawal serta memerhati akan perjalanan Syarikat-Syarikat yang berdaftar supaya dapat menuju dan mencapai tujuan dan matlamat ianya ditubuhkan.

Tugas-tugas pemerhatian dan pengawalan ini dilaksanakan dengan cara pegawai-pegawai dari Jabatan Kemajuan Kerjasama membuat lawatan dan memeriksa buku-buku akaun syarikat berkenaan pada setiap waktu dan masa yang difikirkan perlu. Tugas Jabatan ini selanjutnya ialah menguatkuasakan Undang-Undang Syarikat Kerjasama 1975 di mana di sepanjang tugas-tugas penyebaran, bimbingan dan tunjukajar serta pengawalan dan pemerhatian segala undang-undang yang telah dimaktubkan itu patut dan mahulah diikuti serta dipatuhi oleh Syarikat-Syarikat yang berdaftar di seluruh tanahair.

### MENEMUI KEGAGALAN

Di masa-masa lampau juga kita telah melihat usaha-usaha orang-orang Brunei untuk memgembangbiakkan gerakan kerjasama ini, tetapi disebabkan tidak adanya kemahiran dalam bidang yang berkenaan maka usaha-usaha mereka menemui kegagalan. Atas sebab mundurnya gerakan kerjasama di Brunei ini dan juga disebabkan orang-orang Melayu Brunei tidak mempunyai kemahiran di dalam bidang perniagaan maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah yang bijak iaitu mengambil alih tugas-tugas perkembangan dan kemajuan gerakan kerjasama di negara ini.

Tugas-tugas perkembangan dan kemajuan gerakan kerjasama ini telah dibebankan kepada Jabatan Kemajuan Kerjasama dan dalam segala tindak-tanduk jabatan ini dalam membimbing Syarikat-Syarikat yang berdaftar, Undang-Undang Syarikat Kerjasama 1975 dijadikan sebagai panduan serta landasan supaya matlamat penubuhan Syarikat Kerjasama yang dihasratkan untuk memperbaiki taraf dan sosial ekonomi rakyat Melayu Brunei itu tidak terpesong.

### KURSUS

Di sepanjang jangka waktu 10 tahun usia Jabatan Kemajuan Kerjasama, sebanyak 85 buah Syarikat Kerjasama telah didaftarkan, dan dalam jangka waktu itu pula ianya telah mengungkayahkan berbagai rancangan dan projek untuk memajukan dan mengembangkan gerakan kerjasama di negara ini. Antara rancangan-rancangan itu ialah pengendalian kursus-kursus untuk para pemimpin Syarikat-Syarikat Kerjasama, diikuti dengan kursus-kursus praktikal tentang pembuatan buku-buku dan akaun, kursus pengurusan dan pentadbiran perniagaan serta lain-lain kursus pendek yang difikirkan perlu dan berfaedah kepada para peserta kursus yang selalunya terdiri dari ahli-ahli Jawatankuasa dan juga ahli-ahli biasa Syarikat Kerjasama yang berdaftar.



STESYEN minyak kepunyaan Syarikat Kerjasama Kampong Tanjong Nangka yang kini sedang bergerak maju.

Dalam usaha Kerajaan kita untuk memperkesankan pengembangan gerakan kerjasama di negara ini Kerajaan telah melihat betapa perlunya pegawai-pegawai jabatan ini diberikan ilmu pengetahuan yang mencukupi untuk diajar dan disebarkan kepada ahli-ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli biasa syarikat yang berdaftar. Untuk itu Kerajaan dan ahli-ahli biasa syarikat yang berdaftar. Untuk itu Kerajaan telah menghantar beberapa orang pegawai Jabatan Kemajuan Kerjasama berkursus di luar negeri semata-mata untuk menambah ilmu pengetahuan mereka dalam bidang gerakan kerjasama seperti di Malaysia, Singapura dan di United Kingdom.

### PUSAT PERBEKALAN

Selain itu, Kerajaan juga banyak turut campurtangan secara langsung dalam memajukan gerakan ini, umpamanya penubuhan 'Pusat Perbekalan Kerjasama' adalah satu daripada campurtangan dan bantuan langsung dari Kerajaan untuk memajukan Syarikat Kerjasama. Pusat Perbekalan Kerjasama adalah dihasratkan oleh Kerjaan untuk membekalkan semua barang-barang runcit kepada Syarikat-Syarikat Kerjasama Kedai dengan mutu yang baik dan dengan harga yang berpatutan serta dengan pembekalan yang mencukupi dan berterusan di sepanjang masa.

Melalui huraian ini dapatlah kita berkesimpulan dan beranggapan bahawa Kerajaan kita adalah ejen kepada perkembangan Gerakan Kerjasama di negara Brunei Darussalam. Selaku rakyat yang cintakan bangsa dan negaranya, kita patutlah mendukung cita-cita Kerajaan yang ingin menwujudkan kemakmuran kepada rakyatnya serta menyambut baik akan hasrat Kerajaan untuk melahirkan masyarakat Melayu Brunei yang mempunyai taraf sosial yang sempurna dan kedudukan ekonomi yang baik dan terjamin. Jalan dan cara yang paling sesuai untuk menuju matlamat itu adalah dengan menceburkan diri di dalam gerakan kerjasama dengan tujuan untuk mencapai kebaikan bersama dan bukan untuk faedah diri sendiri.

# RANCANGAN PERPINDAHAN BERJALAN LANCAR

Oleh: Aisah Piee
Gambar-gambar oleh
Haji Sharbini Taha

**Rancangan Perpindahan Perumahan Negara yang bertujuan mewujudkan ketinggian taraf hidup rakyat itu memerlukan perancangan yang teliti, mendalam dan berhati-hati, di mana calon-calon yang ingin mengikuti rancangan tersebut hendaklah mengikuti dan menepati syarat-syarat yang ditentukan.**

KERJA-KERJA tanah bagi Rancangan Perpindahan Perumahan Negara, sebagai salah satu dari Rancangan Kemajuan Negara 1975-1979 berjalan lancar di kesemua daerah di negara ini.

Kawasan Lambak Kanan di Daerah Brunei-Muara yang dipilih sebagai kawasan rancangan pendahuluan 'pilot scheme' akan menampung sebanyak 2,004 lot perumahan dari keluasan tanah 1,902 ekar.

## TUJUH PERINGKAT

Enam dari tujuh peringkat kerja-kerja tanah dan infrastruktur rancangan perpindahan di sini berjalan dengan baik. Peringkat pertama seluas 50 ekar telahpun selesai, sementara peringkat kedua dan ketiga seluas 169 ekar dianggarkan 80 peratus siap, dan dijangka akan siap pertengahan tahun ini.

Juga sedang dijalankan sekarang ialah peringkat keempat dan kelima rancangan perpindahan di sini seluas 350 ekar. Lima peratus darinya telah siap dijangka akan selesai keseluruhannya pada akhir tahun depan, sementara peringkat ketujuh seluas 200 ekar baharu saja dimulakan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1987.



SEBAHAGIAN daripada deretan rumah yang dapat dilihat dalam gambar di Kawasan Perpindahan Lambak Kanan.

Kerja-kerja tanah dalam enam peringkat di kawasan Lambak Kanan itu, selain dari boleh menyediakan hampir 1,007 lot perumahan juga akan menyediakan tapak-tapak bangunan Kerajaan seperti masjid, sekolah-sekolah, Balai Polis dan sebagainya, yang dibina secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan.

## FASA PERTAMA

Pembinaan rumah-rumah fasa pertama bagi kawasan perpindahan Lambak Kanan telah pun bermula dalam bulan Januari lepas. Sebanyak 84 buah rumah dalam lima jenis sekarang sedang dalam pembinaan, bagi menempatkan seramai 75 orang calon yang telah terpilih dalam fasa pertama.

**Pembinaan rumah-rumah fasa pertama bagi Kawasan Perpindahan Lambak Kanan telah pun bermula dalam bulan Januari lepas. Sebanyak 84 buah rumah dalam lima jenis sekarang sedang dalam pembinaan bagi menempatkan seramai 75 orang calon yang telah terpilih dalam fasa pertama.**

Rancangan Perpindahan Perumahan Negara bagi daerah-daerah Belait, Tutong dan Temburong setakat ini baharu dijalankan dalam peringkat pertama. Tiga kawasan di Daerah Belait telah terpilih bagi rancangan tersebut, iaitu Kampong Pandan, Lorong Tengah Seria dan Sungai Liang.

Kerja-kerja tanah bagi Rancangan Perpindahan Kampong Pandan Kuala Belait peringkat pertama seluas 70 ekar, sekarang dianggarkan lima peratus telah siap. Projek bagi kemajuan 220 lot perumahan itu dijangka siap pada pertengahan tahun depan.

## MENINGGIKAN TARAF HIDUP

Sementara itu, Rancangan Perpindahan Bukit Beruang di Daerah Tutong peringkat pertama seluas 120 ekar bagi kemajuan 150 lot perumahan dianggarkan sepuluh peratus siap, dan dijangka siap pada akhir tahun ini. Kawasan seluas 1,355 ekar bagi rancangan perpindahan ini akan boleh menampung 900 lot perumahan.

Di Daerah Temburong, perkembangan dalam peringkat pertama rancangan perpindahan di Kampong Rataie 30 peratus telah siap. Peringkat pertama yang seluas 80 ekar bagi kemajuan 80 lot perumahan itu dijangka siap pertengahan tahun ini.

Rancangan Perpindahan Perumahan Negara yang bertujuan mewujudkan ketinggian taraf hidup rakyat itu memerlukan perancangan yang teliti, mendalam dan berhati-hati, di mana calon-calon yang ingin mengikuti rancangan tersebut hendaklah mengikuti dan menepati syarat-syarat yang ditentukan.



PARA pekerja sedang giat menjalankan pembinaan dua buah rumah (gambar atas). Jentera-jentera moden digunakan sebagai mempercepatkan lagi pembinaan rumah-rumah di Lambak Kanan.





KELIHATAN salah seorang pekerja sedang memasang bata dinding salah sebuah rumah perpindahan.

# rtb/Intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# PENULIS MUDA DAN ULASAN

KEBELAKANGAN ini beberapa penulis muda telah lahir di dalam arena penulisan iaitu dalam bentuk sajak, cerpen dan drama-drama radio yang sering kita ikuti di radio.

Kemunculan mereka di arena tersebut amat membanggakan sekali pada kita sebagai peminatnya yang tidak luput-luput dari mengikutinya. Rata-rata mereka ini memilih genre puisi dan cerpen dan tidak kurangnya dalam penulisan drama radio sebagai tahap pertama penglibatan dalam sastera kreatif.

Dengan adanya media radio ini telah banyak menampung karya dan membaiki mutu penulisan penulis-penulis muda, penulis-penulis muda tidak lagi merasa ragu-ragu atau merasa jemu untuk berkarya di tengah-tengah penulis veteran yang sudah establish.

Dalam tiga cabang seni ini cuma dua aliran yang mempunyai persoalan ulasan, lebih jelas lagi ialah beberapa ulasan atau kupasan untuk membina; iaitu sajak dan cerpen. Perkara ini satu persoalan yang cukup menarik untuk diperbincangkan. Apakah mereka ini sudah cukup mendirikan bulu roma dengan membuahkan karya-karya mereka dengan lebih ranum lagi .. ? Bagaimana nilai dan mutu penghasilan mereka ... ? Kalau dianalisa secara kuantiti sudah barang tentunya memuaskan atau membanggakan sekali — tapi apakah kualitinya begitu juga ... ?

Dari situlah langkah pengulas-pengulas untuk sama-sama menjiwai dan melahirkan penulis-penulis muda yang benar-benar berpotensi dalam arena tersebut, ada kalanya juga perkembangan permulaan jarang menarik minat pengulas untuk mengulas hasil tulisan mereka.

Sudah sewajarnya penulis-penulis yang cuba menimbulkan diri dan menjadi penulis muda yang kini adalah sebagai papan lapis atau 'plywood' kepada penulis-penulis lama yang berkemungkinan akan kehabisan tinta pena mereka.

Beberapa kupasan sesebuah karya sastera itu sedikit sebanyak boleh mengaspalkan jalan raya lebih licin yang dulunya bertambal-tambal, moga-moga kegiatan ini terus menjadi satu tradisi bagi radio.

Pada khususnya penulis-penulis muda pada umumnya ingin mendapat satu reaksi terhadap hasil karya mereka, sejauh manakah bakat dan kecerdasan dalam bidang kreatif itu, kalau terdapat kelemahan tentu sekali penulis tersebut ingin tahu apakah kelemahan mereka itu, adakah sudah jelas dibayangkan oleh pengulas itu.

Setiap penulis muda yang inginkan mendapat mercu kejayaan atau ingin maju tidak semestinya mereka itu gentar seperti gentarnya terjun dari bangunan tinggi dan dengan ulasan yang tajam. Pengulas adalah bebas mengopretkan karya-karya yang diulas tanpa mengenal belas kasihan asalkan tidak bercanggah dari ciri-ciri ulasan. Perlu juga disedari pada penulis-penulis muda tanpa pengulas seseorang penulis itu tidak akan cukup matang dan hasilnya tidak akan sampai ke mana.

Penulis muda juga haruslah mengambil kira dalam menulis sesebuah karya dan lebih banyak menghasilkan karya yang bersangkutan dengan sekitar masyarakat dan kenegaraan. Tidak dapat dinafikan cerita cinta, keresahan dan dendam adalah juga sebahagian tema cerita, bagaimanapun perkara tersebut tidak sepatutnya diulang lagi dalam karya-karya yang lain.

Penulis muda mempunyai potensi yang luas untuk berkembang juga perkembangan karya-karya mereka di radio, dan agar melupakan sebentar masalah karya-karya itu di bakul sampahkan, walau begitu penulis tersebut harus berdiri di atas penanya.

Keberanian harus ada pada diri setiap penulis muda bila berhadapan dengan beberapa rintangan risiko dengan pelbagai masalah, dari situlah pergerakan timbulnya dugaan yang merupakan kebaikan kepada penulis muda.

Cuba kita tinjau bagaimana penulis veteran negara kita yang telah berjaya dengan pengalaman dan beberapa dugaan, itulah menjadi satu cabaran pada mereka dan berguna. Dari ulasan atau selukan itulah kita perlu belajar dan kita lihat dari beberapa pengalaman pengulas-pengulas yang benar-benar dan amat berguna serta berharga.



## Dari Pendengar Untuk Pendengar

AK. OTHMAN Pengiran Haji Hashim yang beralamat Pejabat Kastam dn Eksais, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam ialah peserta yang berkesempatan memilih sebanyak tujuh buah lagu-lagu pilihannya menerusi rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar, dan tarikh siarannya ialah hari Selasa 2 Julai, 1985 jam 4.00 petang.

## *Sandiwara Radio:*

# *AIR MATA SI AIR MATA*

PENULIS A. Mohammad Timbang, Negara Brunei Darussalam kali ini menumpukan fokas penulisannya terhadap sebuah rumahtangga. Rumahtangga Zaidi dan Nurhuda juga tidak terkecuali dari menempuhi dugaan, walupun selama ini rumahtangga mereka aman dari sebarang dugaan.

Keadaan berubah bila Nurhuda mengandungkan anak mereka yang kedua. Nurhuda semakin berubah perangainya, lekas marah dan merajuk. Satu hari, Nurhuda tidak dapat menahan kemarahannya, bila tiba-tiba saja Zaidi menelefon dan memberitahu yang ia tidak dapat pulang makan tengah hari bersama keluarganya, dengan alasan kerjanya di pejabat terlalu banyak yang belum dibereskan.

Perasaan Nurhuda itu terbawa-bawa hingga ke malam. Kerana ia tidak mengindahkan suaminya, terpaksalah adiknya Nuriah yang memang tinggal bersama mereka menggantikan tempatnya melayani Zaidi. Di saat itulah juga keadaan Nurhuda berubah. Saatnya untuk melahirkan sudah sampai. iapun dimasukkan ke rumah sakit.

Zaidi dan Nuriah menempuh saat-saat yang mendebarkan. Lebih-lebih lagi setelah mereka diberitahu oleh doktor yang Nurhuda terpaksa dibedah. Dalam penantian itulah Nuriah tertidur. Dalam tidurnya ia bermimpi yang kakaknya tidak dapat diselamatkan dan ia terpaksa menggantikan tempat kakaknya untuk membesarkan anak-anaknya.

Benarkah seperti apa yang dibayangkan dalam mimpi Nuriah itu? Kepada peminat-peminat rancangan ini, jangan lupa untuk mengikuti siarannya pada 7 Julai, 1985, jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Helen Thu.

## Rancangan TVP dari 8 Julai hingga 10 Julai 1985

### ISNIN 8 JULAI

**PAGI**

8.50 SAINS UNTUK DARJAH 4 (Burung)

Dalam rancangan ini murid-murid dibawa mengenal jenis burung. Burung-burung boleh dikenal dengan sifat-sifatnya seperti:

a) Mempunyai bulu di seluruh badan.
b) Bertelur
c) Bernafas dengan paru-paru.
d) Mempunyai paruh.
e) Berdarah panas.

Burung helang mempunyai paruh yang tajam serta bengkok. Apakah kegunaan paruh yang tajam itu? Untuk mengetahui ikutilah nanti di rancangan ini.

9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (January-June)

Rancangan ini mengajar murid-murid nama-nama bulan dalam bahasa Inggeris. Beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'M' juga akan dinampakkan di Magic Pool.

Sebuah lagu dinyanyikan bersama Jay Jay dan Izat.

10.05 MARI BERCERITA (Pengail dengan Ikan)

Cerita ini mengisahkan seekor ikan ajaib. Pengail bertemu ikan ajaib yang dapat menukar rumah pengail yang sudah buruk menjadi cantik. Akan tetapi istri pengail seorang yang tamak. Ia hendakkan rumah yang lebih besar lagi.

Maukah ikan ajaib itu menunaikan permintaannya? Untuk mengetahui kisahnya ikutilah rancangan ini nanti.

### SELASA 9 JULAI

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Burung)

9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (January-June)

10.05 MARI BERCERITA (Pelanduk dengan Kerak Nasi)

Cerita kali ini menghidangkan kisah pelanduk menyeberang sungai bersama burung bangau di dalam sebuah kerak nasi. Ketika sedang menyeberang sungai, pelanduk membucurkan kerak nasi itu dengan maksud supaya bangau mati lemas.

Berjayakah pelanduk dengan rancangan jahatnya itu? Ikutilah nanti cerita selanjutnya.

### RABU 10 JULAI

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Burung)

9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (January-June)

10.05 MARI BERCERITA (Monyet yang tamak)

Seekor monyet dan seekor kura-kura yang bersahabat baik telah menjumpai sepohon pokok pisang yang hanyut. Kura-kura mencadangkan supaya mereka bersama-sama menanam pokok itu dan hasilnya nanti akan dibahagi samarata, tetapi monyet tidak bersetuju dengan cadangan kura-kura. itu.

Mengapakah monyet menolak cadangan sahabatnya itu dan apakah yang terjadi kepada mereka berdua. Sama-samalah kita ikuti kisah selanjutnya.

## Resipi Minggu Ini:

# *KARI AYAM*

BAHAN-BAHANNYA :—

1 ekor ayam
1 biji kelapa diambil dua gelas santannya.
8 biji bawang merah
6 biji bawang putih
1 biji bawang besar
3 inci halia
4 biji tomato hidup
4 biji ubi kentang
2 sudu tomato puri
4 sudu serbuk rempah kari
½ tin susu cair.

UNTUK PENUMISNYA :—

1 gelas minyak
2 inci kayu manis
8 biji cengkih
6 kelopak bunga lawang
4 biji pelaga
3 biji bawang merah dimayang
3 sudu gula
garam, serbuk perasa secukup rasa
6 helai daun kari.

CARA MEMBUATNYA :—

Ayam dipotong mengikut suka hati, halia, tomato dibelah empat, bawang merah, bawang putih dan rempah semuanya dikisar halus. Panaskan kuali tumiskan garam, kemudian masukkan cengkih, pelaga, kari dan bawang merah. Kacaukan sehingga kering masukkan rempah yang dikisar tadi dan kacau rata-rata sehingga keluar minyak, masukkan ubi kentang dan kemudian masukkan pula pati santan, gula, serbuk perasa dan tomato. Tutupkan apabila sudah mendidih masukkan ayam, selama lebih kurang 15 minit buka tutupnya dan masukkan tomato hidup dan bawang besar yang dipotong enam dan kacau rata-rata lebih kurang 5 minit barulah diangkat.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU

### 3 JULAI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FAMILY NESS
5.00 ANIMAL IN ACTION: "The Invaders"
5.30 FAMILY TIES: "4 Rooms Ocean View"
6.00 BERITA AWAL
6.05 SUPERFRIENDS
6.30 TEKA TEPAT
6.41 AZAN MAGHRIB
6.51 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 REMINGTON STEELE: "Elementary Steele"
7.52 AZAN ISYAK
7.56 REMINGTON STEELE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 BRUNEI INDAH — "Tutong" (ulangan)
9.35 HUNTER: "Flight of A Dead
10.30 BUFFALO BILL
11.00 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS

### 4 JULAI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 WORLD ALIVE: "The Partridge And The Eagle"
6.00 BERITA AWAL
6.05 A WHOLE WORLD OF CHILDREN: "Canada : India"
6.30 SUMBANGSIH SANDY



LINDSAY Wagner (The Bionic Woman) memegang peranan Jessie Hayden dalam siri JESSIE yang sedang ditayangkan di RTB sekarang pada hari Ahad kira-kira jam 10.20 malam.

6.41 AZAN MAGHRIB
6.51 SUMBANGSIH SANDY —

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FINDER OF LOST LOVES "Yesterday's Child"
7.52 AZAN ISYAK
7.56 FINDER OF LOST LOVES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.50 GLITTER
10.40 WAYNE AND SHUSTER: "Bible Bowl"
11.20 TAYANGAN GAMBAR: "Standing Tall"
12.50 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT

### 5 JULAI

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN.

PETANG

1.25 THE YEARLING: "Lost Pride"
1.55 THAT'S INCREDIBLE
2.30 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
3.00 MIANI MIATU
3.25 WEBSTER
3.51 AZAN ASAR
3.55 WORLD OF SPORTS
4.50 THE SECRET RAILROAD
5.20 PROFILE OF NATURE: "Grebes"
5.50 TOWARDS 2000
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
6.20 TEKA TEPAT
6.41 AZAN MAGHRIB
6.51 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIRI 'V': "The Champion"
7.52 AZAN ISYAK
7.56 SIRI 'V' — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA: "Carik-Carik Bulu Ayam" Bhg 2 (ulangan)
9.50 MAGNUM: "Underworld"
11.40 DALLAS: "Sins of The Fathers"
12.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU

### 6 JULAI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DUNGEONS AND DRAGONS
6.00 BERITA AWAL
6.05 RAINBOW: "Movement Over And Under"
6.30 I DREAM OF JEANNIE: "Mrs Djinn Djinn"
6.41 AZAN MAGHRIB
6.51 I DREAM OF JEANNIE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE BEST TIMES: "Volleyball"
7.52 AZAN ISYAK
7.56 THE BEST TIMES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LAWATAN DYMM KE MAGHRIBI (ulangan)
9.05 LIPUTAN NASIONAL
9.35 TAYANGAN GAMBAR MELAYU/INDONESIA
11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR
12.35 ROCKLINE
1.55 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD

### 7 JULAI

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 THE MAGIC OF DAVID COPPERFIELD
12.30 AZAN ZUHUR
12.33 THE MAGIC OF DAVID COPPERFIELD — sambungan
1.15 TAYANGAN GAMBAR

PETANG

2.40 SUPERGRAN: "Supergran And The Magician"
3.10 PINK PANTHER, ANT AND AARDVARK
3.40 BILL COSBY SHOW
3.51 AZAN ASAR
3.55 BILL COSBY SHOW — sambungan
4.10 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
4.40 SCIENCE AND SOCIETY
5.10 FAMILY HOUR FESTIVAL: "Terrible Secret"
5.40 MR. T: "Dilemma of The Double Edged Dagger"
6.00 BERITA AWAL
6.05 MR T — sambungan
6.15 CHARLES IN CHARGE: "Snowed In"
6.41 AZAN MAGHRIB
6.51 CHARLES IN CHARGE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 COVER UP
7.52 AZAN ISYAK
7.56 COVER UP — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LAWATAN DYMM KE MALAYSIA (ulangan)
9.25 INSIDE SERIES
9.50 IT TAKES TWO
10.20 JESSIE
11.10 FOX MYSTERY THEATRE: "The Late Nancy Irving" Bhg 1.
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN

### 8 JULAI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE SMURFS: "The Winged Wizard"
5.00 NEW SCOOBY DOO MYSTERIES
5.30 HORIZON: Biology At War: "The Mystery of The Yellow Rain"
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT
6.41 AZAN MAGHRIB
6.51 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SCARECROW AND MRS KING: "A Class Act"
7.52 AZAN ISYAK
7.56 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LAWATAN DYMM KE JEPUN
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 MARI MEMASAK: "Kari Ayam" Resipinya ada dimuatkan di muka lain akhbar ini.
10.15 GIVE US A CLUE
10.40 DOCUMENTARY OUT OF FIERY FURNACE
11.10 FALCON CREST: "The Showdown"
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA

### 9 JULAI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 VOYAGES OF DR DOOLITTLE: "The Son of God"
5.00 WORLD OF SURVIVAL: "Bugles of Autumn"
5.30 THE WIND IN THE WILLOWS: "The Open Road Again"
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA
6.41 AZAN MAGHRIB
6.51 NOVA — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL
7.52 AZAN ISYAK
7.56 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LAWATAN DYMM KE KOREA
9.17 ARENA SUKAN
10.15 REKASENI
10.45 DYNASTY: "The Royal Wedding"
11.35 POT BLACK
12.00 SIARAN TAMAT.

# Kerjaya yang paling mencabar di Negara Brunei Darussalam





## Jadilah seorang pelatih juruterbang Diraja Brunei

Sekarang terdapat empat orang anak tempatan 'first officer' yang bertauliah penuh yang sedang menerbangkan pesawat 737 kita.

Ikutilah jejak langkah mereka.

Mereka telah menuntut di salah satu tempat penerbangan yang paling baik di United Kingdom dan membawa pesawat penerbangan di New Zealand. Mereka telah menjalani latihan yang pesat supaya mereka boleh menerbangkan pesawat-pesawat dengan penuh yakin.

Satu kerjaya yang penuh mencabar dan bertanggungjawab.

Keperluan :

1. Calon-calon mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan mempunyai rekod kesihatan dan penglihatan yang baik.
2. Berumur lebih daripada 17 tahun.
3. Mempunyai 5 kepujian dalam peperiksaan peringkat biasa termasuk mata pelajaran Inggeris, Bahasa Melayu, Ilmu Hisab dan satu mata pelajaran Ilmu Sains dan mempunyai kelulusan dalam peringkat tertinggi adalah satu kelebihan.

Dengan kerjasama Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Penerbangan Diraja Brunei menawarkan dermasiswa kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi membolehkan pemuda-pemuda untuk menjalani kursus pelatih juruterbang.

**Mereka yang berminat dalam kerjaya ini adalah dipersilakan datang ke Dewan Kuliah, Bangunan Peringatan Churchill untuk mendapatkan keterangan-keterangan lanjut dan borang-borang permohonan mengenai kerjaya ini pada 11 Julai 1985 bermula pukul 9.30 pagi – 12.00 tengah hari dan 2.30 petang – 4.30 petang.**

**Royal Brunei**
FLY WITH FRIENDS

## Sebagai Penyunting Kanan Berita di Jabatan Radio Televisyen Brunei

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PENYUNTING KANAN BERITA di Jabatan Radio Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Tanggagaji** : C.3-4 EB.5— $1990-$2970 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman** :

Lulus sekurang-kurangnya Sijil Am Pelajaran Peringkat lanjutan dalam 2 mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Peringkat Biasa termasuk Bahasa Inggeris dan/atau HND dalam Mass Communication atau yang sebanding dengannya. Mempunyai 6 tahun pengalaman dalam tugas-tugas penyuntingan dan kewartawanan, kedewasaan berfikir dan keupayaan bertindak dengan cepat dalam suasana tegang demi untuk menyelesaikan tugas-tugas adalah satu kelebihan. Mempunyai keperibadian dan sifat sebagai seorang ketua untuk mengawasi dan menyelia kakitangannya menjalankan tugas.

ATAU

Pemohon-pemohon yang terdiri daripada Pegawai-Pegawai Kanan Bahagian Berita dan telah mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penyunting yang terbukti juga bolehlah memohon. Pemohon-pemohon ini hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran dalam Peringkat Biasa termasuk Bahasa Melayu dan Inggeris.

**Tugas-tugas** :

Menjadi pembantu kepada Ketua Penyunting Berita dan Hal Ehwal Semasa dalam menyediakan / penyuntingan / membuat skrip / penerbitan dan penyampaian siaran-siaran berita harian dalam berita-berita tempatan dan antarabangsa termasuk Asiavision serta mengawasi susunan yang teratur dalam siaran berita dan penerbitan berita harian yang diterbitkan oleh Penyunting yang bertugas. Penyunting Kanan Berita juga dikehendaki menerbitkan rancangan Hal Ehwal Semasa seperti "Dunia Minggu Ini."

**Syarat-syarat Lantikan** :

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah menamatkan kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 11 Ogos, 1985.

( Bilangan iklan : 103/1985 )

( E/23/75 ).

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICE

PROJECT No. P 2135

TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B or C classification.

2. The said tenders are for EXCAVATING AND LAYING 2-WAY DUCT. CONSTRUCTION OF FOOTWAY JOINT BOXES NO. 1 & 2. EXCAVATING TRENCH IN GRASS VERGE. LAYING OF SINGLE WAY DUCT.

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the office of the State Financial Officer on the ground floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than on 22nd. July, 1985. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

P 2135 — CENTRAL JALAN MAKAM DIRAJA DISTRIBUTION DUCTS — NEW ROAD DA 28.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, upon a deposit of $200.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender and prospective contractors must meet the Director's Representative at 10.00 hours on 11th. July, 1985 at the Telephone House,Telecoms Headquarters, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

# BELIA-BELIA DISERU SERTAI PERTUBUHAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Para belia di negara ini diseru menyertai pertubuhan-pertubuhan belia di mana mereka akan dapat memberikan sumbangan untuk pembangunan masyarakat belia.

Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Tahun Belia Antarabangsa, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain berkata dengan penyertaan Majlis Belia Brunei ke dalam keluarga belia antarabangsa, MBB memerlukan penyertaan belia-belia yang lebih ramai bagi kebajikan merèka sendiri di samping menyediakan pemimpin belia yang lebih berkalibar dan berdedikasi.

Tahun Belia Antarabangsa 1985, ini, katanya, adalah hasil dari permintaan semua persatuan belia di seluruh dunia setelah beberapa tahun mereka berjuang mendapatkan pengiktirafan.

Yang Dimuliakan Pehin berkata demikian dalam ucapan alu-aluan di upacara Pelancaran Sambutan Tahun Belia Antarabangsa 1985 di Pusat Belia pada hari Ahad lepas.

Menurutnya pengiktirafan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melalui Resolusi 3738 yang diluluskan pada 3 Disember 1982 memberi makna iaitu masyarakat dan negara di seluruh dunia telah memberi penghargaan terhadap usaha-usaha para belia dan kerja-kerja secara sukarela melalui pertubuhan-pertubuhan belia dan agensi-agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

"Pengiktirafan ini juga memberi makna kepada kedudukan belia yang diberi penghargaan dengan menerima suara dan fikiran belia yang diambil kira dalam proses pembangunan masyarakat iaitu merancang dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan bagi mewujudkan sikap dan rasa bertanggungjawab dalam melaksanakan sosio-ekonomi kebajikan yang teratur lagi berdisiplin."



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang Peraduan Menulis Sesi sempena Tahun Belia Antarabangsa (IYY).

# Belia pengisi alam pendidikan

Dari muka 1

Dalam keadaan yang sama jua, tambahnya, kita sama sama melangkah menurut keupayaan kita pada perkara-perkara yang lebih afdal dan bersesuaian demi pembangunan negara dan bangsa kita.

"Dalam konteks ini kita seharusnya tidak ragu-ragu pada mengketengahkan nilai-nilai bangsa Brunei itu sendiri yang mana sifat-sifat keBruneian yang telah kita warisi dari datuk nenek kita adalah merupakan satu corak yang kukuh dengan keperibadiannya dengan latarbelakang keislaman yang tidak berfahaman sempit atau ortodoks yang mana secucuk dengan sifat-sifat Ahlis-Sunnah WalJamaahnya. Sifat-sifat keBruneian ini tergantunglah kepada kita sendiri untuk mengantarabangsakannya menurut keupayaan dan peranan masing-masingnya," ujarnya.

Mengenai para belia dan beliawanis, golongan pengisi alam pendidikan di negara ini merupakan golongan terbesar rakyat dan penduduk yang masing-masing akan berperanan kepada negara di semua bidang.

"Khusus di bidang pengembangan ilmu untuk golongan itu selain dari hasrat untuk mewujudkan belia dan beliawanis yang berilmu maka setiap langkah adalah juga diasaskan ke arah mewujudkan dan memajukan belia dan beliawanis yang berdisiplin, dinamik serta beriman sebagai ejen-ejen perkembangan yang seimbang," katanya.

Untuk membentuk belia-beliawanis sedemikian, tambahnya sudah tentu kita tidak akan dapat lari dari mengakui bahawa hasrat itu tidak akan tercapai tanpa adanya kesedaran dan sikap atau rasa tanggungjawab dari belia-beliawanis sekalian. Maka kesedaran dan sikap atau rasa tanggungjawab itulah yang patut dipupuk dan diketengahkan sekarang ini.

Tidak perlu kita memikir dan mencari-cari apakah panduan-panduan, pemikiran-pemikiran atau teori ahli-ahli fikir dunia dari Timur dan Barat dalam proses memupuk dan melahirkan kesedaran kerana semua itu tidak akan dapat menandingi dan menyamai dengan apa yang kita anuti sekarang ini iaitu ajaran-ajaran Islam yang maha suci. Tegasnya ajaran-ajaran Islam dapat melahirkan belia-beliawanis yang pupus dengan kesempurnaan dan seterusnya dapat memelihara dan mengekalkan hasrat negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja. Saya percaya melalui lunas-lunas ini sajalah insya-Allah setiap pergerakan belia dan beliawanis negara akan terselamat dan terpelihara dari terpesung ke jalan yang tidak diredai," katanya.

# Tahun Belia Antarabangsa 1985 dilancarakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tahun Belia Antarabangsa 1985 bertemakan 'Penyertaan, Pembangunan, Keamanan' telah dilancarkan perasmiannya oleh Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz pada pagi Ahad lepas di Dewan Pusat Belia di sini.

Sambutan yang dihadiri oleh beratus belia dari seluruh negara itu telah diserikan dengan persembahan seni silat, pertunjukan gimnastik dari jurulatih-jurulatih jasmani Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan persembahan koir 'Belia Islam' dan 'Brunei Bumi Bertuah/Titah Merdeka' oleh para penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri diiringi oleh Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Ikrar Belia sempena Tahun Belia Antarabangsa telah dilafazkan oleh Setiausaha Majlis Belia-Belia Brunei Pengiran Suhaimi bin Pengiran Wahid.

Penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Peraduan Mengarang Esei sempena Tahun Belia Antarabangsa (IYY) 1985 telah juga dilangsungkan di majlis itu.

Dalam Bahagian A Bahasa Melayu, Awang Mohd. Zefri Ariff bin Mohd. Zain Ariff berjaya memenangi hadiah pertama sebanyak $500.00, Dayang Norhana Abdullah mendapat hadiah kedua sebanyak $350 dan Dayang Hajjah Rosnani binti Haji Omar memenangi hadiah ketiga sebanyak $225.00.

Dalam Bahagian B Bahasa Melayu pula hadiah pertama $600.00 dimenangi oleh Dayang Norhana Ladi, Awang Jobin Tinggang memenangi hadiah kedua sebanyak $450 dan hadiah ketiga sebanyak $300.00 dimenangi oleh Dayang Nor Jinah Hassan.

Dalam Bahagian Bahasa Inggeris pula, Dayang Azizah Abidin memenangi hadiah pertama sebanyak $500.00, Awang Anthony Thag Thian Song memenangi hadiah kedua sebanyak $350.00 dan hadiah ketiga sebanyak $225.00 dimenangi oleh Awang Mohammad Yusof bin Dato Haji Abdul Rahman.

Di antara tetamu yang hadir di majlis itu ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

## Ralat

DALAM ruangan 'Menuju Keredaan Allah' keluaran 26 Jun lepas ruang pertama para kedua baris ketiga hendaklah dibaca: " ...... hari raya bulan Syawal ini kita ..... " Manakala ruang kelima para akhir baris keempat hendaklah dibaca: " ....... Imam Al-Ghazali dalam bukunya Ihya Ulumuddin tentang falsafah akhlak yang disadur susunan M. Said..... " Dalam ruangan yang sama juga para kelima baris atas sekali perkataan besar hendaklah dibaca sedar. — Penyunting.



PERWAKILAN dari enam buah negara ASEAN ketika melangsungkan Mesyuarat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN kali ke-II 1985 yang dipengerusikan oleh Awang Abd Razak bin Haji Mohammad, Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam — Gambar Haji Sharbini Taha.

# Brunei Darussalam dicadang jadi tuan rumah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam telah dicadangkan untuk menjadi tuan rumah bagi perlawanan sepak takraw sekolah-sekolah ASEAN yang dijangka berlangsung dalam bulan Disember ini.

Cadangan itu telah dibuat dalam mesyuarat jawatankuasa tadbir Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN yang bersidang buat kali kedua, 1985 di Pusat Tingkatan Enam, Gadong di sini Sabtu lepas.

Negara Brunei Darussalam yang pertama kalinya menjadi tuan rumah kepada persidangan itu telah menerima pada dasarnya terhadap cadangan tersebut.

Brunei juga menerima pada dasarnya untuk menjadi tuan rumah kejohanan bola sepak sekolah-sekolah ASEAN dalam tahun depan.

Mesyuarat tersebut juga telah menetapkan bahawa acara trak dan padang dijangka akan dilangsungkan di Republik Singapura dalam bulan Ogos depan.

Mesyuarat buat kali kedua bagi tahun ini diwakili oleh enam perwakilan dari enam buah negara ASEAN iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Filipina dan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai tuan rumah, Brunei Darussalam telah diwakili oleh tiga orang pegawai kanan Jabatan Pelajaran Kementerian Pelajaran dan Kesihatan negara ini.

Persidangan tersebut telah dipengerusikan oleh Awang Abd. Razak bin Haji Mohammad, Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

Dalam pada itu beberapa program pertandingan sekolah-sekolah ASEAN dan masalah-masalah yang berbangkit telah dibentangkan di mesyuarat tersebut.

Serentak dengan itu juga beberapa acara perlawanan dalam tahun 1986 dan 1987 telah diluluskan iaitu bola jaring, perlawanan trak dan padang, gimnastik, badminton, bola sepak, ping pong, sepak takraw dan bola tampar.

Sementara pada sebelah petangnya perwakilan dari Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN telah mengadakan lawatan ke Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di sini — JOE.

## Ralat

BERITA yang bertajuk 'Enam orang guru tamat kursus di RESCAM' keluaran Pelita Brunei pada 27 Mac 1985 di muka sembilan para enam hendaklah dibaca: "Beliau juga berpuas hati tentang cara pengendalian kursus di mana intekrasi dan pergaulan guru di pusat berkenaan sangat memuaskan. Di samping itu para peserta kursus juga dapat bertukar-tukar fikiran mengenai pelajaran dan sistem pendidikan di negara masing-masing."

# CUBA BERI RASUAH: DIDENDA $1,000

SEORANG rakyat Malaysia berasal dari Sarawak, Reba anak Empin 18 tahun, telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan dan mengaku bersalah pada hari Isnin 17.6.1985 kerana memberikan rasuah sebanyak $50 kepada seorang anggota Polis yang bertugas di Cawangan CID, Gadong sebagai dorongan kepada pegawai polis tersebut untuk tidak mengambil tindakan terhadap beliau kerana masuk ke Brunei Darussalam tanpa mempunyai dokumen perjalanan yang sah, satu kesalahan di bawah Bab 6(b) Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah) 1981.

Reba anak Empin telah dikenakan hukuman denda sebanyak $1,000 dan jika gagal akan dikenakan hukuman penjara selama 3 bulan. Wang $50 itu diserahkan kepada Kerajaan.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.